

# SEBUAH ANALISIS TENTANG PENDEKATAN KAJIAN R. O. WINSTEDT TERHADAP ISLAM DI TANAH MELAYU

Mohd Farhan Abd Rahman<sup>a\*</sup>

Rohailin Zainon<sup>b</sup>

Nor Adina Abdul Kadir<sup>c</sup>

<sup>a, c</sup> Universiti Teknologi MARA, Malaysia

<sup>b</sup> Kolej Universiti Islam Melaka, Malaysia

## Abstrak

Penulis menumpukan kepada analisis terhadap pendekatan kajian Winstedt tentang Islam di Tanah Melayu. Penulis menggunakan kaedah grafisejarah, perbandingan dan analisis kandungan dalam menganalisis karya beliau. Hasil kajian mendapati penilaian Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu berdasarkan sudut pandangan yang berat sebelah dan meragukan (skeptis) akibat pendekatan orientalisme beliau. Bukti penemuan ini dilakukan berasaskan analisis terhadap karya beliau yang relevan.

**Kata kunci:** R. O. Winstedt, Orientalisme, Islam, Tanah Melayu, grafisejarah

## Abstract

*The authors focus on the analysis of Winstedt's approach in his study of Islam in Malaya. The authors use the method of historiography, comparison and content analysis in Winstedt's writings. The study found that his evaluation on Islam in Malaya tend to be biased and skeptical as a result of his Orientalism approach. Proof of the full findings is made based on the analysis of his relevant works.*

---

\* Penulis untuk dihubungi:

farhan84@perak.uitm.edu.my

ISSN 1985-6296 ©Pusat Dialog Peradaban

**Keywords:** *R. O. Winstedt, Orientalism, Islam, Malaya, historiography*

## Pendahuluan

Menurut pandangan Hanafi (2000), orientalisme merupakan fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia. Manakala bagi Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Edward Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu dengan lain, iaitu:

- 1) Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi, ataupun filologi.
- 2) Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
- 3) Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, menstruktur semula dan menguasai masyarakat Timur. Fahaman itu berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Abu-Lughod (2001) turut melontarkan pandangan yang sama berkaitan orientalisme. Beliau mengatakan:

*The way in which the Orient has been represented in Europe through an imaginative geography that divides East and West, confirming Western superiority and enabling, if not actually constituting, European domination of those negatively portrayed regions known as East.*

(ms. 101-103)

[Cara bagaimana orientalis telah mewakili Eropah ialah melalui gambaran geografi yang membahagikan Timur dan Barat, mengesahkan keunggulan dan kebolehan

Barat, bahkan pembentukannya, penguasaan Eropah kepada kawasan yang digambarkan secara negatif tersebut dikenali sebagai Timur.]

Ketiga-tiga pandangan di atas jelas menunjukkan Barat menginginkan penguasaan ke atas dunia Timur secara merangkumi budaya dan agama seterusnya menerapkan ideologi yang berkonseptan rasional ke dalam pemikiran masyarakat tanah jajahan.

R. O. Winstedt merupakan seorang orientalis yang banyak mengkaji mengenai masyarakat di Tanah Melayu khususnya yang beragama Islam. Kajian beliau merangkumi bidang keagamaan, budaya, sejarah dan bahasa. Bagi mengkaji pendekatan pemikiran Winstedt (1961), penulis membuat perbandingan ke atas karya beliau seperti *The Malay: A Cultural History, Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic, A History of Malaya* dan *Kitab Tawarikh Melayu*. Bertitik-tolak dari perbandingan karya di atas, penulis mengenal pasti pendekatan yang digunakan oleh Winstedt menerusi penilaian peribadi beliau terhadap Islam di Tanah Melayu. Penulis turut membawa pandangan ahli akademik seperti Ahmad Ibrahim, Muhammad Salleh, Ibrahim Abu Bakar, Aliza Elias dan Auni Abdullah bagi menjawab pandangan orientalis terhadap Islam.

## Biodata Ringkas R.O. Winstedt

Sir Richard Olaf Winstedt dilahirkan pada 2 Ogos 1878 di Oxford, England. Beliau merupakan seorang orientalis Inggeris yang berkhidmat di Tanah Melayu sebagai pentadbir British bermula dari 1902 hingga 1935. Sepanjang tempoh 33 tahun perkhidmatan Winstedt di Tanah Melayu, beliau memiliki pengalaman dan kemahiran dalam memahami budaya penduduk di Tanah Melayu ketika itu khususnya masyarakat yang beragama Islam (Bastin, 1964).

Menurut Bastin (1964), Winstedt mendapat pendidikan di Magdalen College School and New College, Oxford. Pada tahun 1902, Winstedt memilih untuk menjadi pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan Tanah Melayu, dan ditempatkan di negeri Perak. Ketika dalam tempoh perkhidmatan tersebut, beliau mempelajari bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Muhammad Salleh (1989) menyatakan pada akhir Disember 1902, Winstedt telah berkenalan dengan R. J. Wilkinson iaitu individu yang bertanggungjawab memperkenalkan kepada beliau pengkajian sosiologi. Melalui pengaruh Wilkinson, beliau telah dipindahkan

ke Kuala Pilah pada tahun 1913 dan dilantik sebagai Pegawai Daerah. Seterusnya pada tahun 1916 beliau menyertai Jabatan Pendidikan. Hasil kesungguhan Winstedt di dalam bidang pendidikan, beliau telah dianugerahkan pangkat DLitt daripada Oxford.

Seterusnya Barret (1967) menyatakan antara penghormatan yang diperolehi oleh Winstedt sepanjang berkhidmat di bahagian pendidikan adalah beliau telah dilantik menjadi Presiden pertama kolej Raffles (1921-1931) di Singapura. Semasa menjawat jawatan tersebut, beliau turut bertindak sebagai setiausaha kepada Pesuruhjaya Tinggi. Pada tahun 1923, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Pendidikan Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan juga ahli kepada Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat. Malah, Winstedt juga dilantik sebagai anggota tertinggi kepada Majlis Kebangsaan Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1927 hingga 1931. Barret turut menjelaskan pada tahun 1931 hingga 1935, Winstedt telah dilantik oleh Sultan Johor sebagai Penasihat Umum kepada negeri Johor. Pada tahun 1935, beliau telah mengambil keputusan untuk bersara dari perkhidmatan kerajaan. Beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar dalam bidang pengajian Melayu di School of Oriental and African Studies (SOAS), dan turut berkhidmat sebagai ahli Badan Penyelia di institusi tersebut (1939-1959). Beliau bersara dari bidang pendidikan pada tahun 1946.

Menurut Adnan (2009), Winstedt telah memainkan peranan yang penting dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan di Tanah Melayu dan Singapura mengikut acuan Inggeris. Antara sumbangan beliau yang terpenting sekali ialah penubuhan Sultan Idris Training College pada tahun 1922, yang bertujuan untuk melahirkan tenaga pengajar Melayu yang berpendidikan tinggi yang beracuan Inggeris (mengabaikan falsafah pendidikan Islam yang ada dipondok-pondok masa itu).

Berdasarkan kajian Muhammad Salleh (1989), segala karya yang dihasilkan oleh Winstedt sepanjang tempoh perkhidmatan di Tanah Melayu mengenai masyarakat Melayu meliputi sejarah, agama, budaya dan bahasa disimpan dan direkodkan di SOAS, London. Antara karya yang dihasilkan oleh Winstedt ialah:

Jadual 1. Senarai Penerbitan R. O. Winstedt

Bil	Tarikh	Tajuk
1.	1908	<i>Cherita Jenaka: Ya-itu Pa Kadok, Pa Pandir, Lebai Malang, Pa Belalang, Si Lunchai</i>
2.	1909	<i>The Circumstances of Malay Life: The Kampong, The House, Furniture, Dress, Food</i>
3.	1914	<i>Hikayat Anggun Che Tunggal</i>
4.	1916	<i>Malayan Memories</i>
5.	1914 – 1917	<i>An English – Malay Dictionary</i>
6.	1917	<i>A Malay Reader</i>
7.	1919	<i>Misa Melayu</i>
8.	1920	<i>The Early Muhammadian Missionaries</i>
9.	1920	<i>Dictionary of Colloquial Malay: Malay–English &amp; English–Malay</i>
10.	1923	<i>Malaya: The Straits Settlements and the Federated and Unfederated Malay States</i>
11.	1925	<i>Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic</i>
12.	1927	<i>Kitab Tawarikh Melayu</i>
13.	1928	<i>Kedah Laws</i>
14.	1932	<i>A Malay History of Riau and Johore (Malay Text of the Tuhfat al-Nafis)</i>
15.	1932	<i>A History of Johore</i>
16.	1933	<i>Right Thinking and Right Living: A Primer on Moral &amp; Social Topics</i>
17.	1934	<i>A History of Perak</i>
18.	1938	<i>The Malays Annals</i>
19.	1940	<i>A History of Malay Literature (With a Chapter on Modern Development by ZABA)</i>
20.	1944	<i>Britain and Malaya 1786 – 1941</i>
21.	1944	<i>A Simple Malay Reader</i>
22.	1947	<i>The Malays: A Cultural History</i>
23.	1960	<i>The Malay Magician</i>
24.	1963	<i>An Unabridged English-Malay Dictionary</i>
25.	1969	<i>A History of Classical Malay Literature</i>
26.	1979	<i>A History of Johore 1365-1895</i>
27.	1988	<i>A History of Malaya</i>

## Pendekatan Pemikiran R. O. Winstedt Terhadap Islam di Tanah Melayu

Sepanjang pembabitan orientalis di Alam Melayu, pihak penjajah telah membawa satu pendekatan mencampuri urusan pentadbiran, iaitu usaha memperkecil dan menyisihkan peranan agama dalam semua aspek kehidupan. Rahimin (2000) menjelaskan sekiranya masyarakat peribumi masih menjadikan agama sebagai satu panduan kepercayaan khususnya yang beragama Islam, masyarakat sebegini akan terus berada di tahap yang rendah, menolak pemodenan, malah tidak bertamadun kerana mempercayai ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Bagi pihak Orientalis, Rasulullah SAW hanyalah pengikut agama Kristian yang sesat.

Menerusi perbandingan karya Winstedt (1961), *The Malays: A Cultural History, Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic, A History of Malaya and Kitab Tawarikh Melayu*, penulis mengenal pasti empat pendekatan pemikiran Winstedt dalam menilai dan memahami Islam di Tanah Melayu, iaitu:

Pertama, penggunaan pendekatan fungsionalisme sebagai salah satu alat penjajahan di Tanah Melayu (Anwar, 2007). Pihak penjajah Briton (*British*) sedar bahawa Islam adalah suatu kepercayaan yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam masyarakat Melayu dan sebarang penghinaan terhadap agama tersebut akan menyebabkan penentangan masyarakat Melayu terhadap mereka. Menurut Auni (2005), walaupun bersifat anti-Islam, penjajah Briton tidak pernah melakukan sebarang tindakan provokasi terhadap agama Islam. Sebaliknya secara licik penjajah Briton merendahkan taraf agama Islam dengan mengadakan Perjanjian Pangkor 1874, kesannya Islam diasingkan daripada politik. Raja Melayu dilantik sebagai ketua agama tetapi bidang perundungan Islam dihadkan kepada hal ehwal perkahwinan dan perkara-perkara *furu' sahaja*.

Melalui pendekatan di atas, Winstedt (1988) menerusi karyanya bertajuk *A History of Malaya* menegaskan:

*On 20 January 1874 the Governor managed to persuade the Bendahara, the Temenggong and the Mantri of Larut together with the lower Perak chiefs whose kinsman Abdullah was, to sign a treaty known from the place where it was concluded as the Pangkor treaty. Abdullah became Sultan and agreed to accept a British Resident. He was the rightfull heir and was intelligent and*

*europeanized and to disallow his claim because he had failed to attend a funeral seemed to Victorian rationalists frivolous.* (ms. 223-224)

[Pada 20 Januari 1874, Gabenor berjaya memujuk Bendahara, Temenggung dan Menteri Larut bersama-sama dengan Pembesar-pembesar Perak yang berpangkat rendah dari kerabat Abdullah untuk menandatangani perjanjian yang disimpulkan sebagai Perjanjian Pangkor. Abdullah menjadi Sultan dan bersetuju untuk menerima seorang Residen Briton. Beliau merupakan pewaris yang sesuai, bijak dan bersikap pro-Eropah dan tidak dibenarkan membuat tuntutan kerana gagal menghadiri pengebumian seolah-olah mempraktikkan keremehan para rasionalis zaman Victoria.]

Kesan positif campur tangan penjajah Briton dalam urusan pentadbiran agama telah menjadikan susunan pentadbiran lebih teratur dan pemberian gaji kepada pekerja. Akan tetapi sebaliknya, ia memberikan ruang kepada penjajah untuk mengekalkan kuasa campur tangannya ke atas Tanah Melayu.

Malah Ahmad (2005) menjelaskan, Perjanjian Persekutuan yang ditandatangani pada tahun 1895 telah melanjutkan penguasaan Briton dalam urusan pemerintahan dan urusan agama. Paling ketara adalah kebebasan hak Raja daripada menerima nasihat Briton hanya terbatas kepada soal agama sahaja dan kebebasan hak raja daripada dinasihati dalam adat istiadat telah digugurkan. Menurut Jamil (2009), setelah berkuatkuasanya perjanjian ini, Briton telah memperluaskan penguasaannya dan melunturkan dasar-dasar pemerintahan Islam yang terdapat sebelum ini di negeri-negeri Melayu. Percantuman dan keserasian antara agama dengan adat dalam kehidupan umat Islam di kawasan ini diasingkan dan keunggulan institusi kesultanan sebagai pelindung adat dipertikaikan.

Berdasarkan pandangan penulis, memang diakui Perjanjian Pangkor 1874 dan Perjanjian Persekutuan 1895 membawa matlamat akhir yang sama walaupun bentuk luarannya ada perbezaan. Matlamat akhir ini ialah untuk memantapkan cita-cita imperialisme Barat, iaitu mempengaruhi masyarakat di Tanah Melayu dengan pemikiran sekularisme dan seterusnya menghakis kekuatan tradisi pemerintahan Islam yang berpusat pada institusi kesultanan. Bagi penulis, kedua-dua perjanjian itu sekadar mengaburi penilaian masyarakat dengan menggambarkan seolah-olah menghormati agama Islam tetapi yang tersirat di sebaliknya ia lebih

merupakan satu wahana bagi mereka menjalankan pemerintahan Islam di bawah telunjuk penjajah Barat khususnya Briton.

Kedua, pemilihan pendekatan humanisme<sup>1</sup> sebagai satu pendekatan yang mengkaji dan menilai manusia merangkumi tingkah laku dan pegangan agama (Kamal, 1996). Pendekatan ini menerapkan satu kaedah bagaimana pegangan agama dinilai menggunakan sudut pandangan yang bebas bagi memenuhi kriteria penyelidikan yang bersifat kritis. Salah satu pembahagian dari pendekatan tersebut adalah pendekatan positifisme empirik lojik. Ia merupakan falsafah yang menjadi pegangan kepada Winstedt dalam menilai sesuatu masyarakat. Menurut Natsir (1997), pendekatan ini merupakan suatu kajian keilmuan yang dianggap sebagai satu cara untuk mendapatkan ilmu dengan tepat dan betul menerusi kaedah penelitian yang sistematis dan teliti. Rahman (2000) dan Safi (1998) menegaskan walaupun pendekatan ini berdasarkan kaedah penelitian yang sistematis, namun ia menolak sebarang penulisan yang berpandukan kepada sumber wahyu kerana dianggap tidak relevan dalam pembuktian sejarah. Pendekatan ini pada dasarnya berpunca dari pendirian yang menolak kepercayaan beragama dan sekadar memenuhi kepuasan nafsu manusia semata-mata.

Selain dari pendekatan di atas, pendekatan sejarahisme turut digunakan sebagai kaedah mengkaji masyarakat dari segi sejarah khususnya yang berkaitan dengan agama Islam di Tanah Melayu. Meinecke (1956) menyatakan pendekatan ini menggunakan sudut pandangan yang bebas dalam memahami sesuatu fakta sejarah dan kebergantungan sepenuhnya dengan akal dalam mencari sesuatu jawapan.

Bagi membuktikan penggunaan pendekatan di atas, penulis memetik pandangan Winstedt (1961) menerusi karyanya iaitu *The Malays: A Cultural History* yang jelas memperkecilkan undang-undang Islam iaitu:

*...there are Malay translations of orthodox Muslim works of the school of Shafi'i, especially treatises on the law of marriage, divorce and the legitimacy of children, the only branch of Muslim canon law that Malays have adopted practically unchanged.* (ms. 92)

[...terdapat terjemahan Melayu dalam karya sejarawan Muslim bermazhab Shafi'i, terutamanya undang-undang berkaitan perkahwinan, penceraian dan hak penjagaan anak, satu-satunya cabang perundangan Muslim yang secara praktis telah diterima pakai dan tidak berubah.]

Pandangan Winstedt ini jelas menunjukkan beliau menolak kewibawaan perundangan Islam. Beliau hanya meletakkan kewibawaan tersebut kepada undang-undang kekeluargaan sahaja bukan merangkumi keseluruhan hidup manusia.

Pandangan dari Winstedt ini turut diperakui oleh Wilkinson (1922) ketika beliau menjelaskan, “Tidak boleh diragukan lagi bahawa undang-undang Islam akan menjadi undang-undang Tanah Melayu sekiranya undang-undang Briton tidak masuk dan manahannya” (ms. 37-38). Bagi penulis, Winstedt dan Wilkinson mengetahui kebenaran bahawa Islam memang mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu. Kebenaran ini semakin jelas apabila kedua-dua tokoh tersebut mengeluarkan beberapa pandangan yang negatif berkaitan perundangan Islam supaya dapat mengubah pendirian masyarakat daripada kuat kepada goyah.

Bagi menguatkan hujah di atas, penulis merujuk pandangan Aliza (2012). Menerusi karya itu, beliau menyatakan bahawa penyebab kepada penilaian negatif pihak penjajah terhadap Islam termasuklah perundangannya disebabkan oleh,

Pengalaman beragama yang pahit dalam sejarah kebudayaan Barat serta pertembungan dengan agama serta kebudayaan Islam dalam sejarah dunia telah mencorakkan penilaian umum orientalis terhadap agama Islam. Keraguan yang terbit akibat dari sifat dan pembawaan agama mereka sendiri serta prasangka yang menebal terhadap hakikat risalah Islam serta pembawanya, akhirnya menjadikan kebenaran semua agama dilihat tidak lebih dari kebenaran falsafah.

Agama yang ditanggapi dalam telaah sejarah penulis orientalis ini adalah agama yang mesti berubah mengikut peredaran zaman hingga mampu menjadi batu loncatan mencapai cita-cita pembangunan atau sebaliknya, agama yang jumud, yang layak dicera sebagai batu penghalang.  
(ms. 612)

Aliza (2012) menjelaskan bagaimana pandangan pihak orientalis dipengaruhi prasangka yang negatif hasil pertembungan agama dan budaya dari dua buah tamadun yang besar. Berdasarkan pelbagai pandangan di atas, penulis beranggapan bahawa pandangan kedua-dua tokoh di atas jelas didasari oleh sudut penilaian sejarah yang berasaskan

prasangka negatif, sehingga Islam dinilai sebagai tidak mampu memenuhi kehendak masyarakat dan tidak mengikut peredaran masa dan keadaan. Bagi penulis, pendekatan humanisme ini jelas menolak sumber wahyu yang menjadi pegangan utama masyarakat Islam. Golongan yang berpegang kepada pendekatan ini menjadikan akal sebagai sumber utama sekiranya menginginkan kemajuan dan menjamin kemaslahatan manusia berbanding sumber dari agama yang jelas ditolak oleh golongan ini.

Ketiga, pemilihan pendekatan rasionalisme<sup>2</sup>. Menurut Auni (2005) pendekatan ini mementingkan sudut pertimbangan akal dalam melakukan sesuatu tindakan dan menyelesaikan masalah. Ia merupakan fahaman yang mengagungkan keupayaan akal dan menggunakan kaedah lojik sepenuhnya. Sebarang penggunaan sumber wahyu ditolak dan dianggap tidak relevan untuk memenuhi keperluan hidup manusia. Asas kepada pendekatan ini adalah kehendak majoriti masyarakat walaupun keputusan itu salah dan memberi impak yang buruk kepada akidah dan akhlak masyarakat khususnya yang beragama Islam.

Berdasarkan pendekatan ini, penulis merujuk sebuah karya yang ditulis oleh Winstedt (1975) iaitu *Kitab Tawarikh Melayu*. Menurut beliau,

Maka sunggoh pun ada hikayat mencheritakan hal zaman purba kala itu, tetapi tiada-lah berapa guna-nya: kerana segala yang di-riwayatkan dari hal dewa-dewa dan orang kesaktian yang tersebut kesah-nya di-dalam hikayat-hikayat itu sa-mata-mata-lah nampak-nya cherita menyedapkan telingga sahaja, bukan-nya dari-pada perkara yang di-terima dan di-hargakan pada nilayan tawarikh.  
(ms. 16)

Menerusi pandangan tersebut, penulis beranggapan Winstedt menolak pembuktian sejarah melalui mitos. Bagi beliau mitos adalah suatu perkara yang tidak diperakui dan dibuktikan secara sains. Winstedt juga menolak pembuktian sejarah dengan menggunakan sumber wahyu kerana tidak memenuhi kehendak akal dan sesuai dengan peredaran zaman dan tempat. Wilkinson (1975) juga berpandangan sama dengan Winstedt, apabila beliau mengatakan:

*The corroborative detail that the Malay Annals give to an unconvincing genealogy must also be rejected as untrue. It is made up of myths...  
(ms. 25)*

[Bukti catatan sejarah Melayu membawa kepada salasilah keturuan yang tidak meyakinkan dan perlu ditolak kerana tidak benar. Ia dibuat berdasarkan mitos...]

Berdasarkan pandangan di atas, Muhammad Salleh (1989) mengkritik penulisan Winstedt dengan mengatakan,

Terdapat beberapa kekurangan yang telah saya sebut dan ulang sebelum ini iaitu persediaan sumber sering kurang mencukupi, pendekatan yang tidak menyeluruh, tidak berlaku adil kepada objek kajiannya dan pada peringkat ini, yang dikajinya adalah bahagian-bahagian atau cebisan dari suatu sastera yang cukup kaya, tersebar luas dan berwatak lebih penuh daripada apa yang dikenalinya.

(ms. 16)

Karya-karya orientalis mengenai sejarah Tanah Melayu memperlihatkan banyak kelemahan metodologi, di samping sarat dengan prasangka hingga kesimpulannya tidak menepati kenyataan (realiti). Sejarah mengenai ketamadunan Melayu tidak dipaparkan dengan betul tetapi dimanipulasi sedemikian rupa untuk menonjolkan peranan dan pengaruh Barat kononnya golongan ini yang membawa kemajuan kepada tamadun Melayu. Bagi penulis, Islam hanya diperlihatkan sebagai habuk yang hinggap pada tubuh pejal tamadun peribumi.

Keempat, pendekatan evolusisme yang bersifat Dakwaan Swa-kebenaran (“*Self Truth Claim*”) dan perkauman yang melampau Berpusatkan Eropah (*Euro-Centric*). Said (1981) dan Maryam (1971) menyatakan pendekatan ini mengangkat ketamadunan Barat sebagai hebat dan agung berbanding masyarakat Timur. Pendekatan tersebut dipaparkan dengan jelas oleh orientalis menerusi teori evolusi Darwin yang menganggap tamadun Barat adalah tamadun yang paling maju. Ia diukur berdasarkan tahap kepandaian dan pendekatan yang menolak sebarang bentuk ajaran agama.

Menerusi pendekatan ini, penulis membawakan dua pandangan Winstedt dari dua karya yang berbeza. Pertama, karya *The Malays: A Cultural History*. Winstedt (1961) menyatakan:

*For many reasons the lessons of history are neglected in the modern world. Darwin turned the eyes of the sanguine away from the past to the future, and those who in spite of*

*war and atrocities still believe in progress towards some mundane paradise prefer the doubtful promise of science to the record of man's puerilities, errors and crimes.*

(ms. 176)

[Pelbagai kemungkinan bahawa pengajaran sejarah silam diabaikan pada zaman moden. Darwin menukar pandangan optimistik jauh dari masa lampau ke masa hadapan, dan sesiapa yang meskipun dalam kekejaman perang masih berpegang kepada perjalanan syurga dunia, gemar kepada janji-janji kosong sains kerana ketidakmatangan, kesalahan danjenayah manusia.]

Berdasarkan pandangan di atas, jelas menunjukkan pihak penjajah mengangkat bangsa Eropah sebagai hebat dan mempunyai kedudukan tertinggi bagi membina sebuah tamadun yang agung. Tambahan lagi, hasil penelitian penulis mendapati pendekatan tersebut jelas menolak pengaruh Islam dalam mencorak kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu.

Terdapat segelintir masyarakat Melayu yang bersikap pro-Inggeris seperti Syed Syeikh Ahmad al-Hadi. Beliau merupakan tokoh pembaharuan yang menerima kedatangan penjajah Barat dengan hati terbuka. Menurut Ibrahim (1993), Syed Syeikh Ahmad al-Hadi menerima dan menyokong kedatangan Briton ke Tanah Melayu berdasarkan tiga sebab. Pertama, masyarakat Briton adalah bangsa yang mulia kerana membebaskan bangsa Melayu daripada pemerintah mereka yang tidak adil, sompong dan tidak mempedulikan rakyat. Kedua, Briton mempunyai sistem pemerintahan yang baik dan adil kepada semua. Ketiga, tiada bangsa yang patut disalahkan atas kemajuan dan kemodenan yang mereka capai kerana menggunakan akal dengan baik.

Bagi penulis, tokoh tersebut jelas memaparkan sikap beliau yang mengangkat kedudukan penjajah Barat sebagai penyelamat kepada bangsa Melayu. Penilaian tersebut berasaskan kepada sudut pandangan yang fanatik terhadap kemampuan penjajah Briton dalam mempengaruhi dan mengubah sesuatu tamadun dan skeptis terhadap keupayaan Islam itu sendiri dalam mencorak kehidupan bangsa Melayu ke arah sesuatu tamadun yang hebat.

Kedua, pandangan Winstedt (1927) menerusi karya yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu* berkenaan peranan bangsa Melayu yang merangkumi pelbagai suku bangsa seperti Sakai, Batak dan Semang. Katanya,

Maka sebab pun di-katakan mereka itu-lah yang asli mendiami Tanah (dan juga pulau-pulau) Melayu ini, ia-lah kerana jikalau sa-kira-nya orang Melayu telah sedia ada mendiami di-sini terdahulu dari-pada mereka itu, betapa pula dapat dan boleh di-datangi kemudian oleh bangsa-bangsa yang lemah lagi bebal itu? Kerana orang Melayu ini tentu-lah terlebeh cherdek dan maju serta terlebeh pandai berikhtiar melawan serangan musoh dari-pada orang bangsa Semang yang liar dan sentiasa takut akan manusia itu.

(ms. 1-2)

Hasil pembacaan karya-karya Winstedt di atas, penulis mendapati penilaian beliau dalam mengkaji perwatakan bangsa Melayu berdasarkan sudut pandangan yang berat sebelah. Beliau terus meletakkan tahap perwatakan sesuatu bangsa itu tanpa melihat sudut pandangan yang positif yang ada pada sesuatu bangsa yang dikaji.

Wilkinson (1975) turut berpandangan sama dengan Winstedt apabila beliau menilai suku bangsa Melayu ini sebagai primitif. Menurut beliau, "*The peninsular presents us with a historical museum illustrating every grade of primitive culture*" [Kawasan semenanjung memaparkan kepada kita sebuah muzium sejarah yang menggambarkan setiap peringkat budaya primitif] (ms. 8). Malah, Winstedt (1934) juga berpandangan pencapaian tamadun Barat lebih tinggi berbanding masyarakat Timur, beliau menegaskan:

*Though his very name has been forgotten at Kuala Kangsar, Captain James Low was the saviour of Perak, and along with the name of Low, Perak ought to engrave in the letters of gold the name Robert Fullerton, Governor of Prince of Wales Island, Singapore and Malacca.*

(ms. 73)

[Walaupun namanya telah dilupakan di Kuala Kangsar, namun Kapten James Low merupakan penyelamat negeri Perak dan bersama-sama dengan Low, Perak patut meletakkan di dalam surat berharga tersebut nama-nama seperti Robert Fullerton, Gabenor Prince of Wales Island, Singapura dan Melaka.]

Penulis berpandangan tidak adil untuk mengatakan keburukan sesuatu suku bangsa itu tanpa melihat sudut positif di dalamnya. Di mana

sahaja Islam berada, pasti wujud kekuatan dalam jati diri sesebuah masyarakat sekaligus sebagai kekuatan dalam membina sebuah tamadun baru yang hebat. Tanah Melayu contohnya, kehadiran Islam telah membangunkan sebuah tamadun dan kebudayaan baharu yang berjiwa keIslam dan membebaskan masyarakat daripada belenggu khurafat dan tahayul.

Kelima adalah tentang penggunaan pendekatan resapsisme. Zainal (1994) menjelaskan pendekatan ini meletakkan tahap kemajuan masyarakat Melayu bukan kerana sifat asal yang ada dalam diri mereka, tetapi disebabkan faktor pengaruh budaya asing yang ditiru secara selektif oleh masyarakat Melayu seperti dari Arab dan India. Landon (1949) menyatakan, bangsa Melayu sebenarnya tidak mempunyai pegangan keislaman yang cukup kuat, tetapi masih berada di tahap lama, iaitu ketika di bawah pengaruh animisme dan Hinduisme. Menurut Turner (1984), sikap yang ditunjukkan oleh pihak penjajah ini jelas menafikan kegeligan tempatan (*local genius*) dalam membina sebuah tamadun yang hebat.

Berdasarkan pendekatan ini, penulis membawakan pandangan Winstedt (1927) menerusi karya yang bertajuk *Kitab Tawarikh Melayu*, yang di situ beliau menjelaskan:

Bermula, ada pun di-Pulau Percha itu baharu-lah sahaja menjadi-nya bangsa Melayu yang ada sekarang ini; dan tersangat-lah pula mereka berdamping dengan lain-lain bangsa, ia-itu bangsa Hindu dan bangsa-bangsa yang terdahulu mendiami Pulau Sumatera dan Pulau Berunai serta pulau yang lain-lain juga. Bahkan bangsa Melayu itu dari zaman purba kala pun sudah menjadi bangsa champoran, ia-itu sama sa-olah-olah-nya saperti orang Inggeris juga. (ms. 7)

Pandangan di atas menunjukkan Winstedt percaya bahawa bangsa Melayu telah terpengaruh dengan budaya dan cara hidup Hinduisme dalam setiap corak kehidupan mereka termasuklah tahap kegeligan tempatan dalam membina sebuah tamadun. Bagi beliau, bangsa Melayu tidak mempunyai apa-apa keistimewaan, ia berubah setelah hadir pengaruh Hinduisme. Malah, Winstedt (1920) berpendapat Islam yang dibawa ke Tanah Melayu secara khusus datang dari India Selatan kerana mengikut *Hikayat Raja Pasai*, Islam di rantau ini dibawa dari India berdasarkan pewarnaan latar belakang India Selatan yang kuat di Pasai.

Winstedt (1925) menerusi karyanya, *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic*, turut menyatakan bahawa:

*It is no wonder, therefore, that the Malay midwife learnt from the Hindu all the magic he could teach for the great occasions of birth, adolescence, and marriage, or that the Malay shaman added gods of the Hindu pantheon to his demonology and made invocations and offerings to Siva. Long before the introduction of Islamic mysticism, Hinduism had encouraged the Malay magician to fortify his powers and command the wonder of the credulous by ascetic practices.* (ms. 21)

[Ia tidak menghairankan lagi yang bidan Melayu pada zaman itu telah mempelajari kesemua ilmu sihir dari budaya Hindu yang beroleh pengetahuan tentang menyambut kelahiran, remaja dan perkahwinan, ataupun bomoh Melayu telah menambah anasir dewa-dewa ketuhanan Hindu dan memanjatkan doa dan korban kepada Siva. Lama sebelum pengenalan kepada tasawuf Islam, fahaman Hindu telah menggalakkan ahli sihir Melayu untuk memperkuat kuasanya dan mengarah kepada mempercayai keajaiban amalan bertapa.]

Berdasarkan pandangan di atas, jelas menunjukkan Winstedt beranggapan pengaruh Islam di kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu belum cukup kuat dan mudah dipengaruhi oleh faktor luaran.

## Kesimpulan

Pendekatan pemikiran Winstedt terhadap Islam di Tanah Melayu jelas memperlihatkan sudut pandangan yang skeptis hingga hampir semua penulisannya mengenai Islam dan masyarakat Melayu menggunakan sudut pertimbangan yang berat sebelah serta menyimpang dari sejarah tamadun Melayu. Pandangan beliau ini berdasarkan paradigma evolusi dan resapan yang terdapat dalam pendekatan orientalisme. Winstedt meletakkan pendekatan lojik akal pada tahap yang tinggi, hingga berpendapat segala tradisi, adab dan tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipersoalkan kebenarannya.

Winstedt melabel masyarakat Melayu sebagai bangsa yang lemah dari segenap segi seperti ketinggalan dalam aspek kemajuan dan

pemodenan disebabkan berpegang kepada agama Islam. Winstedt dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah, iaitu (*Eropusatisme/Eurocentrism*). Sudut pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun. Ketamadunan mereka dianggap lebih tinggi dari bangsa yang tinggal di Asia yang merangkumi Timur Tengah dan juga di Tanah Melayu. Selain itu, Islam juga dianggap tidak relevan dengan perkembangan semasa malah memperlekehkan masyarakat Melayu yang menganut agama tersebut dengan beranggapan sesuatu masyakat itu tidak akan maju sekiranya masih berpegang kepada Islam. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, pihak Briton dianggap sebagai duta peradaban, iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila Winstedt menjadikan pendekatan Eropusatisme sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu, ternyata beliau belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam mentafsirkan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

## Catatan Hujung

- <sup>1</sup> Humanisme merupakan fahaman yang meletakkan cara hidup tertumpu kepada kepentingan manusia semata-mata tanpa melibatkan sebarang pertimbangan agama. Keputusan yang dicapai berdasarkan lojik akal semata-mata.
- <sup>2</sup> Rasionalisme merupakan fahaman yang menjadikan akal sebagai sumber pengetahuan yang utama walaupun keputusan yang dicapai hasil dari sesuatu perbincangan berlawanan dengan agama.

## Rujukan

- Abu-Lughod, L. (2001). Orientalism and Middle East Feminist Studies. *Feminist Studies*, 27(1), 101-113.
- Adnan, N. (2009). *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad, I. & Ahilemah, J. (2005). *Sistem Undang-Undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aliza, E. (2012). Kecenderungan Paksi India: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu. Dalam Zaidi M.b.I. & Wan Suhaimi W.A. (Pnyut.), *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan*

- untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Anwar, D. (Pnyut.). (2007). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Auni, A. (2005). *Tradisi Pemerintahan Islam & Kolonialisme Dalam Sejarah Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Barrett, E. C. G. (1967). Obituary: Sir Richard Winstedt. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, 30(1), 272-275.
- Bastin, J. S. (1964). *Malayan and Indonesian Studies: Essays Presented to Sir Richard Winstedt on His Eighty Fifth Birthdays*. Oxford: Clarendon Press.
- Hanafi, H. (2000). *Oksidentalisme: Sikap Kita Terhadap Tradisi Barat*. (Najib Buchori, Terj.). Jakarta: Paramadina.
- Ibrahim, A. B. (1993). *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Jamil, M.b.M. (2009). *Gerakan Islam di Malaysia: Kesinambungan, Respons dan Perubahan (1957-2000)*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM Shah Alam.
- Kamal, M.b.H. (1996). *Toward Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysia*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Landon, K. P. (1949). *Southeast Asia: Crossroad of Religions*. Chicago: University of Chicago.
- Maryam, J. (1971). *Islam and Orientalism*. Lahore: Ashraf Publication.
- Meinecke, F. (1956). Historicism and Its Problems. Dalam F. R. Stern, *The Varieties of History* (ms. 457-474). New York: Oxford University Press.
- Muhammad Salleh. (1989). Richard Winstedt: Sarjana Atau Pengkaji Kolonial? *Persidangan Seminar Sarjana Kesusasteraan Melayu Antarabangsa*, Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari Isnin, 3 April 1989.
- Natsir, M.b.M. (1997). *Orientalisme: Al-Quran di Mata Barat (Sebuah Studi Evaluatif)*. Semarang: Dina Utama.
- Rahman, A. A. (2000). *Wacana Falsafah Sejarah: Perspektif Barat dan Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahimin, A. A. R. (2000). Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis. *Jurnal Syariah*, 9(1), 33-46.
- Roff, W. R. (1980). *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Safi, L. (1998). *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam dan Barat.* (Nur Hadi Ihsan, Terj.). Kuala Lumpur: t.p.
- Said, E. W. (1977). *Orientalism.* London: Penguin.
- Said, E. W. (1981). *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine Hows We See the Rest of the World.* London: Vintage.
- Turner, B. S. (1984). *Weber and Islam: A Critical Studies.* London: Routledge & Kegan Paul.
- Wilkinson, R. J. (1922). *Paper on Malay Subjects.* v. 1. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan Kuala Lumpur.
- Wilkinson, R. J. (1975). *A History of the Peninsular Malays, With Chapters on Perak & Selangor.* New York: AMS Press.
- Winstedt, R. O. (1920). The Early Muhammadan Missionaries. *JSBRAS,* 81.
- Winstedt, R. O. (1925). *Shaman, Saiva and Sufi: A Study of the Evolution of Malay Magic.* London: Constable.
- Winstedt, R. O. (1927). *Kitab Tawarikh Melayu.* Singapore: Fraser & Neave.
- Winstedt, R. O. (1934). A History of Perak. *JMBRAS,* 12(1).
- Winstedt, R. O. (1961). *The Malay: A Cultural History.* London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Winstedt, R. O. (1988). *A History of Malaya.* Kuala Lumpur: Marican & Sons.
- Zainal, K. (1994). Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori. Dalam *Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor.* Kuala Lumpur: t.p.